

## **KSM bekerjasama dengan pihak luar mantapkan pemeraksanaan TVET**

BERNAMA

Putrajaya: Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan melaksanakan kerjasama dengan pihak kawal selia Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di luar negara bagi memperkasakan TVET di bawah kementerian itu.

Menurut KSM, satu perbincangan dengan Pejabat Kelayakan dan Peraturan Peperiksaan (OFQUAL) dan *UK Skills Partnership* telah diadakan semasa lawatan kerja Menteri Sumber Manusia Datuk Seri M Saravanan ke London, United Kingdom (UK) pada Rabu lalu.

"Kolaborasi dengan pihak luar seperti UK adalah amat penting untuk membuat perbandingan amalan terbaik terutamanya dari aspek tadbir urus pengurusan dan pembelajaran TVET di negara tersebut dalam usaha memantapkan lagi pendidikan TVET di Malaysia," menurut KSM dalam kenyataan hari ini.

OFQUAL adalah satu badan kawal selia yang menilai kelayakan TVET di UK dan bertanggungjawab sepenuhnya kepada Parlimen negara tersebut manakala UK Skills Partnership adalah kumpulan penyedia latihan TVET di UK termasuk di luar negara.

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Jabatan Tenaga Manusia (JTM) adalah dua jabatan di bawah KSM yang bertindak sebagai badan kawal selia dan penyedia latihan TVET.

Menurut KSM, aspek pemantauan terhadap badan pentauliah TVET dan skim perantisan serta mekanisme pembiayaan perlu diperkasa untuk memartabatkan pendidikan TVET khususnya di bawah naungan kementerian itu.

"Aspek lain yang boleh diperkasa adalah pertandingan kemahiran dan kelayakan serta kemahiran tenaga pengajar TVET.

"Ini kerana TVET adalah platform utama dalam melahirkan pekerja tempatan berkemahiran," menurut KSM.

Disiarkan pada: Mac 25, 2022 @ 6:05pm